

ANSONIDE NASAL SPRAY

Fluticasone Furoate (27.5mcg/dose)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Ansonide
2. Bagaimana Ansonide berfungsi
3. Sebelum menggunakan Ansonide
4. Cara menggunakan Ansonide
5. Semasa menggunakan Ansonide
6. Kesan- kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Ansonide
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor Siri

Risalah ini menjawab beberapa soalan lazim tentang Ansonide. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang sedia ada. Ia juga tidak menggantikan tempat ahli farmasi atau doktor anda.

Simpan risalah ini bersama ubat. Anda mungkin perlu membacanya lagi.

Apakah kegunaan Ansonide

Ansonide disembur ke dalam hidung untuk membantu meringankan gejala yang mungkin berlaku pada hidung semasa membran mukus hidung mengalami keradangan akibat tindak balas alergi pada musim tertentu atau alergi lain sepanjang tahun termasuk hidung berhingus, tersumbat, gatal dan bersin pada kanak-kanak (2 hingga 11 tahun) dan pada orang dewasa dan remaja (12 tahun dan ke atas).

Ansonide juga boleh digunakan untuk membantu meringankan gejala yang mungkin berlaku pada mata semasa membran mukus hidung mengalami keradangan akibat tindak balas alergi pada musim tertentu termasuk gatal, berair dan menjadi kemerahan pada orang dewasa dan remaja (12 tahun dan ke atas).

Doktor anda mungkin memberikan ubat ini untuk sebab lain. Sila tanya doktor jika anda mempunyai

sebarang soalan mengenai kenapa ubat ini diberikan kepada anda.

Bagaimana Ansonide berfungsi

Ansonide mengandungi bahan aktif *Fluticasone furoate*. Ia termasuk dalam kumpulan ubat-ubatan yang dikenali sebagai kortikosteroid, yang digunakan untuk membantu mengurangkan keradangan.

Tanya ahli farmasi atau doktor anda jika anda mempunyai sebarang soalan mengenai ubat ini.

Sebelum mengambil Ansonide

- Bila tidak boleh mengambil
Jangan guna ubat ini jika anda ada alahan (hipersensitif) terhadap *fluticasone furoate*, atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam Ansonide.

Jangan gunakan ubat ini selepas tarikh luput (EXP) atau jika pembungkusan koyak atau menunjukkan tanda-tanda ia telah diganggu.

Jika anda tidak pasti sama ada anda perlu mula mengambil ubat ini, hubungi doktor anda.

- Sebelum mula mengambil
Kesan-kesan sistemik oleh kortikosteroid hidung telah dilaporkan, terutamanya apabila ubat diberikan pada dos yang tinggi dalam tempoh yang berpanjangan. Kesan- kesan ini kurang cenderung berlaku berbanding dengan kortikosteroid oral.

Beritahu ahli farmasi atau doktor, jika anda mengambil ubat kortikosteroid lain, sama ada melalui mulut, sebagai ubat titis mata atau ubat sembur asma atau melalui suntikan.

Beritahu ahli farmasi atau doktor, jika anda mempunyai alahan kepada mana-mana ubat lain atau sebarang bahan lain seperti makanan atau pengawet.

-Jika mengambil ubat-ubat lain
Beritahu ahli farmasi atau doktor

jika anda mengambil apa-apa produk lain (seperti ubat di kaunter ubat, ubat yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi dan produk herba).

Beritahu doktor sebelum mengambil ubat ini jika anda hamil, mungkin hamil, atau merancang untuk hamil atau menyusukan bayi. Doktor anda akan membincangkan risiko dan faedah menggunakan ubat ini semasa mengandung dan menyusukan bayi.

Jika anda tidak memberitahu ahli farmasi atau doktor tentang mana-mana perkara di atas, beritahu mereka sebelum anda menggunakan ubat ini.

Cara menggunakan Ansonide

Ikut semua arahan yang diberikan oleh ahli farmasi atau doktor anda dengan berhati-hati dan jangan gunakan lebih daripada dos yang disyorkan. Arahan mungkin berbeza daripada maklumat yang terkandung dalam risalah ini.

Jika anda tidak memahami arahan, tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan bantuan.

Ansonide mempunyai penutup yang melindungi muncung semburan dan memastikan ia bersih. Sila buka penutup sebelum guna ubat ini dan tutup kembali selepas ubat digunakan.

Cara menggunakannya:

1. Hembus hidung perlahan-lahan untuk membersihkan lubang hidung.
2. Goncang botol perlahan-lahan. Buka penutup botol.
3. Untuk kegunaan kali pertama, pegang botol tegak dan isi pam dengan menekan muncung ke bawah dan lepaskan. Ulang sebanyak 5 kali, sehingga semburan dihasilkan.
4. Tutup satu lubang hidung dengan jari. Pegang botol tegak dan masukkan ke dalam lubang hidung. Sambil tarik melalui hidung dengan mulut tertutup,

ANSONIDE NASAL SPRAY

Fluticasone Furoate (27.5mcg/dose)

- sembur ubat satu kali.
- Hembus nafas melalui mulut.
 - Ulangi langkah 4 & 5 untuk lubang hidung yang lain.
 - Bagi individu yang berumur 12 tahun dan ke atas, langkah 4,5 dan 6 perlu diulang sekali lagi untuk mencapai dos yang disyorkan 2 semburan ke dalam setiap lubang hidung.
 - Bagi memastikan muncung semburan bersih, lap ia dengan teliti menggunakan tisu bersih selepas guna dan tutup kembali dengan penutup.

Jika anda tidak menggunakan ubat selama 2 minggu atau lebih, adalah perlu untuk mengepam sekali ke udara sebelum digunakan. Muncung semburan harus dihalakan jauh daripada anda semasa ini dilakukan.

Muncung semburan harus dibersihkan sekurang-kurangnya sekali seminggu atau lebih kerap jika ia tersumbat.

Jika semburan tidak berfungsi atau tersumbat, bersihkan muncung semburan. (*Lihat cara membersihkannya*). JANGAN bersihkan lubang kecil yang tersumbat menggunakan pin atau objek tajam kerana ini akan merosakkan mekanisme semburan.

Cara membersihkannya:

Buka penutup dan tanggalkan muncung semburan. Rendam penutup bersama muncung semburan dalam air suam selama beberapa minit. Bilas dengan air sejuk yang mengalir. Goncang atau buang air berlebihan dan biarkan sehingga kering. Pasangkan semula muncung semburan dan tekan muncung semburan beberapa kali sehingga satu semburan dihasilkan dan guna seperti biasa (*Lihat Cara menggunakannya*).

-Berapa banyak harus digunakan

Dewasa dan kanak-kanak berumur 12 tahun ke atas

- Dos permulaan biasa adalah 2 semburan ke dalam setiap lubang hidung sekali setiap hari.

- Sebaik sahaja gejala-gejala dikawal, anda boleh mengurangkan dos kepada 1 semburan ke dalam setiap lubang hidung sekali sehari.

Kanak-kanak berumur 2 hingga 11 tahun

- Dos permulaan biasa adalah 1 semburan ke dalam setiap lubang hidung sekali sehari.
- Jika gejala-gejala yang dihadapi adalah teruk, doktor mungkin meningkatkan dos kepada 2 semburan ke dalam setiap lubang hidung sekali setiap hari sehingga gejala lebih terkawal. Ada kemungkinan untuk dos dikurangkan kepada 1 semburan ke dalam setiap lubang hidung sekali sehari.
- Jangan guna untuk kanak-kanak di bawah umur 2 tahun.

- Bila perlu digunakan

Seperti yang diarahkan oleh ahli farmasi atau doktor anda. Jangan gunakan lebih kerap daripada yang diarahkan.

-Berapa lama perlu digunakan

Ahli farmasi atau doktor anda akan menentukan tempoh rawatan.

-Jika anda terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda ingat. Sekiranya masa untuk dos seterusnya sudah hampir, tunggu sehingga masa itu tiba untuk mengambil ubat dan langkau dos yang terlepas.

Jangan mengambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlepas.

Jika anda menggunakan terlalu banyak (berlebihan)

Hubungi doktor anda dengan segera jika anda fikir anda atau orang lain mungkin telah mengambil terlalu banyak ubat ini. Lakukan ini walaupun tiada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan.

Semasa menggunakan Ansonide

-Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda hamil semasa anda

menggunakan ubat ini, beritahu ahli farmasi atau doktor anda.

Jika anda akan mula menggunakan mana-mana ubat baru, beritahu ahli farmasi atau doktor anda bahawa anda menggunakan ubat ini.

Jika anda akan menjalani pembedahan, beritahu pakar bedah atau anestetik bahawa anda menggunakan ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengambil sebarang ubat baru tanpa berunding dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan Ansonide kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai gejala atau keadaan yang sama seperti anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Keadaan yang perlu anda perhatikan

Tindak balas alahan: Ini adalah jarang berlaku pada orang yang mengambil ANSONIDE. Tanda-tanda termasuk:

- Ruam kulit (gatal-gatal) atau kemerahan
- Bengkak, kadang-kadang pada muka atau mulut (angioedema)
- Nafas berdehit, batuk atau mempunyai kesukaran bernafas
- Tiba-tiba rasa lemah atau pening (boleh membawa kepada keruntuhan atau kehilangan kesedaran)

Hubungi doktor dengan segera jika anda mendapat gejala-gejala tersebut. Berhenti mengambil ANSONIDE.

Kesan – kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, ANSONIDE boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang akan mengalaminya.

Kesan sampingan paling biasa berlaku

- Hidung berdarah

ANSONIDE NASAL SPRAY

Fluticasone Furoate (27.5mcg/dose)

Kesan sampingan biasa berlaku

- Ulser hidung – yang boleh menyebabkan kerengsaan atau ketidakselesaan dalam hidung anda. Anda mungkin mendapati jalur-jalur darah apabila menghembuskan hidung anda
- Sakit kepala

Kesan sampingan tidak biasa berlaku

- Sakit hidung (rhinalgia), Ketidakselesaan hidung (termasuk rasa membakar, kerengsaan, dan kesakitan dalam hidung), kekeringan hidung.

Kesan sampingan jarang berlaku

- Hipersensitiviti, tindak balas termasuk anafilaksis, angioedema, ruam & urtikaria (gegata).

Kesan sampingan sangat jarang berlaku

- Perforasi septum hidung

Tidak diketahui

- Tumbesaran kanak-kanak menjadi perlahan

Jika anda mengalami sebarang kesan sampingan

- Beritahu doktor atau ahli farmasi and jika kesan-kesan sampingan yang disenaraikan menjadi lebih teruk atau menyusahkan, atau jika anda menyedari mana-mana kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npa.gov.my [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan Ansonide

-Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C. Jauhi daripada kanak-kanak.

-Pelupusan

Buang ubat selepas tarikh luput. Rujuk ahli farmasi atau doktor

anda tentang cara membuang ubat-ubatan yang tidak lagi diperlukan dengan selamat.

Maklumat Lanjut

-Rupa dan warna produk

Cecair sedikit likat yang legap seperti warna putih.

-Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif:

Fluticasone Furoate 27.5mcg/dose

-Bahan tidak aktif:

Benzalkonium chloride, polysorbate 80, microcrystalline cellulose, carboxymethylcellulose sodium, dextrose anhydrous dan disodium edetate dan purified water.

-Nombor MAL:

MAL24026030AZ

Pengilang dan Pemegang

Pendaftaran Produk:

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,
Bandar Sultan Suleiman,
42000 Port Klang,
Selangor, Malaysia.

Tarikh kemaskini

04/07/2025

Nombor Siri:

NPRA (R2) 22/116